Agensi Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency
Tel: +603 8688 3611 | Faks: +603 8688 3600

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**
*(Chief Executive Officer)*
**AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA**
*(Malaysian Qualifications Agency)*
Mercu MQA
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

NO GIFT POLICY

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jld. 4 (19)

Tarikh : 17 Mac 2022

**KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)**

Tuan/Puan,

**SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 2/2022**

**TAMBAHAN KRITERIA UNTUK DIPELAWA SEBAGAI PUSAT PENILAIAN APEL.A**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana tuan/puan sedia maklum, agenda pembelajaran sepanjang hayat melalui *Accreditation of Prior Experiential Learning* (APEL) telah mula dilaksanakan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) dan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia semenjak tahun 2011.

3. MQA melalui Surat Makluman MQA Bil. 8/2021 bertarikh 27 Mei 2021 telah mempelawa mana-mana PPT yang berminat dan mempunyai potensi sebagai Pusat Penilaian APEL (PPA) sama ada secara terbuka mahupun secara dalaman beserta kriteria tertentu yang telah ditetapkan sebagai syarat umum untuk dipelawa sebagai PPA.

4. MQA telah membuat **penambahbaikan terhadap kriteria permohonan sebagai PPA** bagi memastikan sistem penilaian APEL dapat dilaksanakan secara menyeluruh.

5. Sehubungan itu, mana-mana PPT yang berminat dan mempunyai potensi sebagai PPA sama ada secara terbuka mahupun secara dalaman hendaklah mengambil perhatian terhadap kriteria-kriteria yang ditetapkan seperti dalam **Lampiran 1** sebagai syarat umum untuk dipelawa sebagai PPA. PPT boleh mengemukakan surat permohonan kepada MQA dengan disertakan justifikasi berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.

6. Susulan penambahbaikan yang telah dibuat, surat makluman ini **membatalkan Surat Makluman MQA Bil. 8/2021 bertarikh 27 Mei 2021**.

7. PPT dimohon mengambil perhatian yang sewajarnya dalam usaha meyokong pelaksanaan agenda pembelajaran sepanjang hayat di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**PROF. DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)**

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
**62200 W.P. PUTRAJAYA**

2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
**62200 W.P. PUTRAJAYA**

3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
**62100 W.P. PUTRAJAYA**

4. SUSK YB Menteri Pengajian Tinggi
Pejabat Menteri Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
**62200 W.P. PUTRAJAYA**

5. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
**50450 W.P. KUALA LUMPUR**

6. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
**50250 W.P. KUALA LUMPUR**

7. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Aras 2, Bangunan Canseleri
**35900 TANJONG MALIM, PERAK**

8. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Awam (JKTNCRA-UA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Kebangsaan Malaysia
Aras 6, Bangunan Canselori
**43600 BANGI SELANGOR**

9. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
P.O. Box 10
**50728 KUALA LUMPUR**

10. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Penyelidikan)
Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
Putrajaya Campus
Jalan IKRAM-UNITEN
**43000 KAJANG, SELANGOR**

11. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn1/2h, Putra Point 1
Bandar Baru Nilai 1
**71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN**

12. Presiden
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia
Bukit Jalil
**57000 KUALA LUMPUR**

13. Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1
**46050 PETALING JAYA, SELANGOR**

14. Presiden
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)
1st-3rd Floor
85, Jalan Gaya
**88000 KOTA KINABALU, SABAH**

15. Presiden
Persatuan Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Sarawak (PERINTIS)
Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak/ International College of Advance Technology Sarawak
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi, Tabuan Jaya
**93350 KUCHING, SARAWAK**

**LAMPIRAN 1**

## PANDUAN UMUM
## KRITERIA PERMOHONAN SEBAGAI PUSAT PENILAIAN APEL.A

## A. KRITERIA PPA (SECARA TERBUKA)

| BIL. | KRITERIA |
|---|---|
| 1. | Lokasi PPT yang banyak atau strategik serta selari dengan keperluan semasa. |
| 2. | PPT yang ingin memohon mestilah dalam kalangan PPT yang telah mempunyai *track-record* melaksanakan kemasukan pelajar berasaskan pengalaman terdahulu atau melaksanakan MOOC (C). |
| 3. | Mempunyai kelulusan APEL.C atau kelulusan sebagai PPA Dalaman. |
| 4. | Mempunyai Sistem Jaminan Kualiti Dalaman (Internal Quality Assurance, IQA) yang mantap berdasarkan prestasi penilaian akreditasi program dalam tempoh 3 tahun terkini. |
| 5. | Mempunyai *niche area* yang banyak iaitu sekurang-kurangnya 3 bidang utama (NEC broad field) bagi memberikan pilihan penilaian kepada calon APEL. |
| 6. | Tiada aduan salah laku yang telah dibuktikan (Contoh: Aduan pelanggaran syarat kemasukan pelajar dan sebagainya) dalam tempoh 3 tahun terkini. |
| 7. | PPT berstatus Kolej perlu ada sekurang-kurangnya 4 program bagi mana-mana tahap yang ditawarkan sama ada T-3 atau T-4 yang telah mendapat Akreditasi Sementara/ Akreditasi Penuh. |
| 8. | PPT berstatus Kolej Universiti/ Universiti yang baharu ditubuhkan* perlu ada sekurang-kurangnya 4 program bagi mana-mana tahap yang ditawarkan sama ada T-4, T-6 atau T-7 yang telah mendapat Akreditasi Sementara/ Akreditasi Penuh.<br><br>*Kolej Universiti/ Universiti yang baharu dinaik taraf telah mempunyai ketetapan jumlah minimum program pengajian sebagai prasyarat bagi naik taraf. |

## B. KRITERIA PPA (SECARA DALAMAN)

| BIL. | KRITERIA |
|---|---|
| 1. | PPT berstatus Kolej perlu ada sekurang-kurangnya 4 program bagi mana-mana tahap yang ditawarkan sama ada T-3 atau T-4 yang telah mendapat Akreditasi Sementara/ Akreditasi Penuh. |
| 2. | PPT berstatus Kolej Universiti/ Universiti yang baharu ditubuhkan* perlu ada sekurang-kurangnya 4 program bagi mana-mana tahap yang ditawarkan sama ada T-4, T-6 atau T-7 yang telah mendapat Akreditasi Sementara/ Akreditasi Penuh.<br><br>*Kolej Universiti/ Universiti yang baharu dinaik taraf telah mempunyai ketetapan jumlah minimum program pengajian sebagai prasyarat bagi naik taraf. |
| 3. | Mempunyai Sistem Jaminan Kualiti Dalaman (Internal Quality Assurance, IQA) yang mantap berdasarkan prestasi penilaian akreditasi program dalam tempoh 3 tahun terkini. |
| 4. | Tiada aduan salah laku yang telah dibuktikan (Contoh: Aduan pelanggaran syarat kemasukan pelajar dan sebagainya) dalam tempoh 3 tahun terkini. |